

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

PLG 316/3 - Kaedah Mengajar Geografi I

(Masa : 3 jam)

Jawab EMPAT (4) soalan dari yang berikut. Setiap soalan membawa markah yang sama.

1. Huraikan secara ringkas sejarah dan aliran pemikiran pendidikan geografi Malaysia dan dunia. Tumpuan anda hendaklah kepada konsep, aliran dan analisis umum pendidikan geografi. (100 markah)
 2. Kajian Geografi Tempatan di peringkat menengah rendah merupakan pengaplikasian teori dan pengetahuan geografi. Bincangkan secara kritis kenyataan ini dari sudut konsep, tatacara dan implikasinya terhadap pembelajaran murid. (100 markah)
 3. Sediakan satu rancangan harian (40 minit) bagi mana-mana topik Geografi Fizikal Tingkatan 4. Berikan tumpuan analisis anda kepada objektif dan pengetahuan sedia ada murid seperti yang tersenarai dalam rancangan tersebut. (100 markah)
 4. Bincangkan secara kritis konsep, tatacara dan contoh, kedua-dua teknik berikut dalam pengajaran geografi di sekolah.
 - a) Kuliah
 - b) Inkuiri

(100 markah)

- 2 -

5. Jelaskan secara ringkas: konsep, tatacara dan kebaikan, penggunaan kedua-dua bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran geografi berikut:

- a) model tiga dimensi
- b) perisian komputer.

(100 markah)

6. Nilai-nilai murni adalah teras utama di dalam pengajaran dan pembelajaran geografi di sekolah menengah. Bincangkan kenyataan ini secara kritis dengan memberi tumpuan kepada konsep, tatacara penerapan dalam pengajaran dan implikasinya terhadap personaliti murid.

(100 markah)

- oooOooo -